

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 26 OKTOBER 2015 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Berkomunikasi dengan ISS	Utusan Malaysia
2.	Pemantauan, penguatkuasaan lemah	Utusan Malaysia
3.	Wet season likely to bring relief form haze	Malay Mail
4.	Get ready to face the floods	New Straits Times
5.	SME Corp. bantu tingkat eksport PKS	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 8
TARIKH : 26 OKTOBER 2015 (ISNIN)



BULATAN
di dalam peta
menunjukkan
kedudukan ISS
secara kasar
ketika melintasi
Malaysia



Berkomunikasi dengan ISS

Pelajar teruja bertanya mengenai
angkasa lepas dengan angkasawan

Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD
ashriq.ahmad@hotmail.com



PENGGUNAAN radio amatir sebagai salah satu sistem komunikasi berkesan tidak lagi dinafikan sejak dahulu lagi. Kini teknik yang sama turut digunakan bagi menghubungi angkasawan yang berada di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).

Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) antara agensi yang masih berhubung dengan angkasawan di ISS setelah berbuat demikian buat pertama kalinya bersama angkasawan negara pertama, Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha ketika beliau berada di sana.

Kini, Angkasa masih lagi mengikuti setiap perkembangan di ISS dan berhubung rapat dengan pihak stesen tersebut.

Terbaharu, seramai 20 orang pelajar berpeluang berkomunikasi dengan angkasawan Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas Amerika Syarikat (NASA), Dr. Kjell N Lindgren baru-baru ini.

Menurut Ketua Pengarah Angkasa, Dr. Noordin Ahmad, program berkomunikasi




DR. NOORDIN AHMAD



DR. NOORDIN AHMAD (belakang) bersama Sangat Singh (duduk) meraikan pelajar sekolah dalam Program Berkomunikasi Bersama Angkasawan ISS di Planetarium Negara baru-baru ini.

SAMBUNGAN... UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 9 TARIKH : 26 OKTOBER 2015 (ISNIN)



STESAN ISS yang mengorbit bumi.

bersama angkasawan di ISS tersebut dilaksanakan pada setiap tahun dan telah memasuki tahun ke sembilan.

Jelasnya, pada tahun ini, program itu dilakukan bersempena Sambutan Minggu Angkasa Sedunia yang sedang berlangsung pada 4 hingga 10 Oktober lalu.

"Aktiviti yang diadakan di Planetarium Negara ini merupakan antara program yang eksklusif kerana tidak semua rakyat Malaysia merasai peluang ini.

"Kita memilih pelajar sekolah kerana ingin menerapkan minat dalam diri mereka sedari kecil, bukan tiada orang awam lain yang berminat namun kita fokus kepada golongan ini (pelajar),"



ANTARA gelagat pelajar ketika bertanyakan soalan kepada angkasawan ISS menerusi radio amatur di Angkasa, Kuala Lumpur.

APA KATA MEREKA

"AMAT teruja dan pasti pengalaman ini akan saya ingat sampai bila-bila."
HADIRAH AMIRAH HUSSAINI,
Pelajar tahun lima, Sekolah Kebangsaan Sultan Hishamuddin Alam Shah (SKSHAS).



"SAYA agak gementar ketika bertanyakan soalan dan tidak menyangka akan mendapat peluang sebegini."
MUHAMMAD AZRI AZMI,
Pelajar tahun enam, Sekolah Kebangsaan St. John (2), Kuala Lumpur.



"PENGALAMAN ini menambah minat saya tentang sains angkasa dan berharap dapat lagi peluang sebegini."
DINESH MOHAN,
Pelajar tahun enam, Sekolah Kebangsaan St. John (2), Kuala Lumpur.



ujarnya ketika di temui baru-baru ini.

Ber cerita mengenai Dr. Lindgren, beliau merupakan Jurutera Penerbangan Ekspedisi 44/45 yang berlepas ke ISS pada 22 Julai lalu bersama angkasawan dari Jepun, Kimiya Yui dan angkasawan Rusia, Oleg Kononenko.

Dr. Lindgren dijangka kembali ke bumi pada 22 Disember ini dan sepanjang lima bulan di ISS dia ditugaskan untuk membantu dalam mengendalikan ratusan eksperimen dalam bidang biologi, bioteknologi, sains fizikal dan sains bumi.

Merupakan manusia ke-217 yang berada di ISS, Dr. Lindgren juga merupakan antara rakyat Amerika Syarikat yang pertama menikmati makanan segar yang ditanam di angkasa.

Menerusi laman sosialnya, Dr. Lindgren banyak berkongsi imej muka bumi negara-negara yang dilintasi oleh ISS.

Sepanjang di ISS, beliau telah dijemput untuk muncul secara maya sebagai tetamu istimewa Konvensyen Sains Fiksyen ke-73 dan diberi keistimewaan untuk mengumumkan pemenang Anugerah Hugo bagi kategori Novel Terbaik.

Oleh yang demikian, 20 orang pelajar yang berkesempatan berkomunikasi bersamanya dianggap bertuah kerana dapat merasai pengalaman tersebut.

Pelajar-pelajar terbabit dari Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara, Sekolah Kebangsaan Sultan Hishamuddin Alam Shah dan Sekolah Kebangsaan St. John 2, Kuala Lumpur.

Antara soalan yang ditanya kepada angkasawan tersebut termasuklah antaranya apakah perkara pertama yang dilakukan apabila sampai di orbit, adakah sukar untuk makan di angkasa, bagaimanakah peranan apabila terapung di angkasa, adakah anda berpeluh di angkasa, bagaimanakah penggunaan masa di angkasa dan pelbagai lagi.

Sangat Singh sehati dengan komunikasi ISS

BERHUBUNG dengan angkasawan yang berada di luar bumi bukanlah sesuatu yang mudah.

Tambahan komunikasi tersebut hanya menggunakan frekuensi radio amatur yang tidak ramai dalam kalangan kita menguasainya.

Tanpa kepakaran di bidang tersebut pastinya peluang untuk berhubung secara terus dan pada masa nyata (*real time*) tidak akan menjadi kenyataan.

Baru-baru ini sekumpulan pelajar ditawarkan untuk berhubung dengan angkasawan di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) iaitu, Dr. Kjell N Lindgren, seorang angkasawan Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas (NASA), Amerika Syarikat.

Individu yang bertanggungjawab menjayakan program tersebut adalah seorang yang telah mendedikasikan seumur hidupnya dalam dunia radio amatur iaitu, **Sangat Singh.**

Segalanya bermula pada tahun 1962 apabila dia berjaya mendapatkan lesen radio amatur pertama dalam hidupnya lalu menjadi sangat obses dengan kaedah komunikasi tersebut.

Mengenang semula pada waktu itu, Sangat mengakui bahawa dirinya amat teruja kerana radio amatur merupakan antara alat komunikasi terawal yang dapat mengubungkan dia dengan pengamal radio yang sama.

"Ketika itu saya begitu tertarik dengan radio amatur ini kerana itu merupakan antara alat komunikasi tercanggih."

"Iyalah, ketika itu tiada telefon bimbit, kita berhubung hanya menerusi surat dan telegram, radio merupakan antara alatan penting untuk mendapatkan maklumat," katanya.

Setelah mendapatkan lesen dia terus aktif dalam pelbagai persatuan radio amatur serta dilantik dengan pelbagai jawatan penting.

Penglibatan Sangat bersama Angkasa bermula apabila dijemput oleh Datuk Mazlan Othman yang pada ketika itu menjawat sebagai Ketua Pengarah Angkasa ketika mengelolai program pelancaran angkasawan pertama negara, Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor.

Jelas Sangat, pada ketika itu dia dijemput untuk terlibat sama di dalam program tersebut sebagai individu

Ketika itu saya begitu tertarik dengan radio amatur ini kerana merupakan antara alat komunikasi tercanggih"

yang bertanggungjawab untuk menghubungi Sheikh Muszaphar menerusi radio amatur. Kebolehan Sangat mengesan kedudukan dan mengikuti perkembangan satelit-satelit yang sedia ada di angkasa menerusi radio amatur menarik minat Mazlan lalu menjemputnya menyertai komiti program angkasawan negara tersebut.

Bagi menjayakan usaha menghubungi Sheikh Muszaphar dari bumi Malaysia, Sangat telah meminta Mazlan untuk menyediakannya sebuah stesen darat (kini dikenali sebagai Stesen Satelit di Planetarium negara) bersama alatan yang diperlukan.

Sangat bukan sahaja mampu menghubungi ISS malah turut memberi tunjuk ajar kepada Sheikh Muszaphar serta tiga lagi

calon angkasawan negara tentang selok belok komunikasi radio amatur sebelum berlepas ke angkasa.

Perhubungan pertama yang dilakukan bersama ISS adalah pada 1995 dan terlibat penuh dalam program angkasawan negara pada 1997.

Selepas, program angkasawan tamat, Sangat masih lagi meneruskan hubungan bersama ISS dan telah mendapatkan kebenaran untuk berkomunikasi sehinggalah berjaya mendapatkan program tersebut.

Untuk mendapatkan kebenaran berhubung dengan angkasawan di ISS, Sangat mengambil masa dua hingga tiga tahun.

Kini, hampir setiap tahun program berhubung dengan angkasawan di ISS diteruskan olehnya hanya sebagai hobi bagi memenuhi masa lapang.

Bekas Pengurus Besar, Kumpulan Guthrie Berhad itu kini menghabiskan masa emasnya berada di stesen tersebut memantau dan berhubung bersama satelit dan angkasawan di ISS.



SANGAT SINGH

KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 7 TARIKH : 26 OKTOBER 2015 (ISNIN)

Pemantauan, penguatkuasaan lemah

KEADAAN jerebu yang melanda negara dilihat menjadi semakin buruk kerana berlaku ketika fenomena El Nino iaitu cuaca kering yang panjang melanda.

Keadaan kemarau seperti ini boleh menyebabkan kebakaran hutan seperti yang berlaku pada fenomena El Nino pada tahun 1997 dan 1998.

Fenomena El Nino tidak boleh dihalang tetapi kemajuan sains membolehkan fenomena itu diramal sehingga setahun lebih awal.

Penyelidik Klimatologi dan Oseanografi, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Fredolin Tangang berpendapat, keadaan menjadi lebih serius kerana pembakaran terbuka dilakukan ketika fenomena tersebut sedang melanda terutamanya di Indonesia.

"Cuaca panas ini bermula dari bulan Jun sehingga kini akibat fenomena El Nino."

"Walaupun pihak berkuasa di negara jiran mempunyai maklumat dan boleh meramal bila akan berlakunya fenomena El Nino, saya rasa isunya di sini adalah lebih kepada pemantauan," katanya menerusi email baru-baru ini.

Jelasnya, kerapuhan pemantauan dan kurangnya penguatkuasaan undang-undang oleh pihak berkuasa negara jiran bagi membendung pembakaran terbuka merupakan faktor utama keadaan menjadi tidak terkawal.

"Jika pembakaran dilakukan

ketika musim normal pun sudah menyebabkan jerebu, maka dalam keadaan negara tersebut dilanda fenomena El Nino pasti akan menyebabkan keadaan menjadi lebih teruk," ujarnya.

Tambah Dr. Fredolin, Malaysia telah mengalami keadaan jerebu melebihi dua bulan tanpa henti kerana berpunca daripada kebakaran hutan tanah gambut di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia.

Kebakaran tanah gambut di kawasan yang luas sukar dihindarkan terutama apabila sumber air untuk memadamkan api berkurangan atau hampir tidak ada.

Jerebu menjadi lebih ketara pada musim antara monsun apabila tiupan angin yang lemah dan kurang menentu.

Hal demikian menyebabkan udara yang berjerebu sukar untuk dialihkan dari Malaysia mahupun Indonesia.

Kewujudan taufan Koppu di Filipina juga dilihat menyumbang kepada arah tiupan angin yang menyebabkan jerebu dari kawasan kebakaran beralih dengan lebih pantas ke negara ini.

Terbaharu, Kementerian Sumber Asli dan Alam

Sekitar menerusi menteri Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar mencadangkan agar kerajaan menubuhkan mahkamah khas dan menaikkan kadar denda sehingga RM50,000 untuk menangani pesalah alam sekitar di dalam negara.

Bagaimanapun ujar Dr. Fredolin, keadaan tersebut tidak banyak

membantu kerana jerebu yang berlaku adalah bersifat rentas sempadan.

"Sumber jerebu ini bukan berasal dari negara kita, asap yang terhasil adalah dari aktiviti pembakaran terbuka di negara jiran," katanya.

Sementara itu, menurut Timbalan Presiden, Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Prof. Dr. Ahmad Ismail, kerajaan perlu lebih serius dalam menangani isu jerebu yg berulang-ulang saban tahun.

Jelasnya, Malaysia merupakan penggerusi Asean justeru kerajaan perlu mengambil kesempatan tersebut untuk berbincang mengenai isu pencemaran rentas sempadan.

"Kerajaan boleh memikirkan apa jua bentuk kerjasama yang boleh kita buat beserta bantuan antara negara-negara Asean lain bagi membantu menyelesaikan masalah ini (jerebu).

"Malah, peruntukan penyelidikan khas untuk mencari penyelesaian pengurusan hutan tanah gambut, membangunkan teknologi kawalan jerebu dan hal-hal kesihatan juga perlu dipertimbangkan," katanya.

Dr. Ahmad turut menyentuh amalan pembakaran terbuka yang turut diamalkan dalam negara juga perlu dikaji semula.

Secara puratanya, dalam tahun-tahun berlakunya fenomena El Nino, pada bulan Disember, Januari dan Februari, kawasan Selatan Sumatera dan Kalimantan akan menerima hujan lebih tinggi dari biasa.

Kadar hujan yang tinggi akan memadamkan kebakaran hutan yang ada sekarang di kawasan berkenaan.

Tetapi pada musim tersebut (Disember, Januari dan Februari tahun depan), keadaan kemarau akan berpindah ke kawasan utara Borneo merangkumi kawasan utara Sarawak dan Sabah.

Pembenihan awan diteruskan

Dalam pada itu, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail berkata, pihaknya akan meneruskan operasi pembenihan awan (OPA) sehingga keadaan jerebu berkurang atau sehingga tiada lagi tempat yang mencatat Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat.

Ujarnya, program tersebut akan diteruskan untuk tempoh 72 jam secara berterusan seperti mana termaktub di dalam prosedur operasi standard (SOP) jabatan tersebut.

"Pada 20 dan 21 Oktober lalu operasi terpaksa ditangguhkan atas faktor keselamatan kerana jarak penglihatan di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (SAAS), Subang, Selangor kurang dari jarak minimum yang diperlukan untuk keselamatan operasi iaitu 1600 meter (m).

"Operasi akan tertumpu kepada kawasan-kawasan di utara tanah air yang mencatatkan bacaan IPU sangat tidak sihat," katanya.

Tambah Che Gayah, jerebu rentas sempadan yang di alami sekarang akan berakhir apabila bermulanya Monsun Timur Laut atau musim tengkujuh pada awal November ini.

Semasa musim tengkujuh iaitu dari November 2015 sehingga Mac 2016 angin timur laut yang bertiup dari Lautan Pasifik atau Laut China Selatan akan menghalang jerebu dari

Sumatera dan Kalimantan daripada menghalang ke Malaysia.

Oleh yang demikian, walaupun kebakaran di Indonesia dijangka berlarutan hingga Mac 2016, Malaysia tidak akan mengalami jerebu rentas sempadan lagi untuk tempoh musim tengkujuh ari November 2015 sehingga Mac 2016. - ASHRIQ FAHMY AHMAD



DR. FREDOLIN TANGANG



DR. AHMAD ISMAIL

PROSES PEMBENIHAN AWAN



Wet season likely to bring relief from haze

By Lavinia Louis and Jonathan Edward
mmnews@mmail.com.my

PETALING JAYA — The haze plaguing the country is expected to dissipate in the coming weeks if prevailing weather conditions stabilise, said the Malaysian Meteorological Department.

Senior meteorologist Dr Mohd Hisham Anip said the north-east monsoon season or the wet Landas season begun on Saturday.

"This would cause winds to blow from the east and we do not expect the haze to return to the country until March, unless a typhoon forms over the Philippines," he said.

The haze is expected to be carried further

east, away from Malaysia."

Hisham said typhoons from the Philippines were usually caused by pockets of low pressure areas, but weather conditions indicated that such atmospheric conditions had not been observed.

"Our data shows that the conditions are not favourable for a typhoon for at least the next 10 days," he said.

The level of humidity is expected to rise significantly, increasing the potential for rainfall which will help alleviate the haze problem.

"There would be heavy rain and thunderstorms nationwide mostly during late evenings."

Hisham also said the monsoon season was expected to bring floods but it was predicted

that the intensity of the floods would be limited.

The haze choking Malaysia, Singapore and Indonesia since last month has now spread to parts of Thailand and the Philippines.

Indonesia has attributed at least 10 deaths and half a million cases of respiratory illnesses directly to the haze. They have also prepared to evacuate thousands affected by the haze.

The rate of upper respiratory illnesses in Malaysia has gone up by 20 per cent but no deaths have been directly linked to it.

At 8am yesterday, 13 areas recorded unhealthy Air Pollutant Index (API) readings, with Port Klang, Selangor topping the list at 136.

By 6pm, unhealthy API readings were

recorded at Pasir Gudang (106), Banting (101), Port Klang (117), and Shah Alam (108).

Kuala Lumpur (94) and Petaling Jaya (98) recorded moderate API readings.

An API reading of zero to 50 is good, 51 to 100 moderate, 101 to 200 unhealthy, 201 to 300 very unhealthy and 301 and above is hazardous.

According to the Asean Specialised Meteorological website yesterday, 65 hotspots were detected in Kalimantan, 136 in Sumatera and eight in Java.

Three hotspots were detected locally, all in Pahang.

The highest overall API reading so far was recorded on Oct 4 at Shah Alam, with an API recording of 308 at 9am.

Get ready to face the floods

**NORTHEAST
MONSOON:** Met
dept says haze
will pass soon

THARANYA ARUMUGAM
KUALA LUMPUR
tharanya@nst.com.my



WHILE most Malaysians are happy that the northeast monsoon wind is blowing the haze away, those in the east coast should brace themselves for the year-end floods, said the Malaysian Meteorological Department (MMD).

The haze situation continued to improve yesterday, with only five areas recording unhealthy Air Pollutant Index (API) readings, down from 19 areas on Saturday.

MMD director-general Datuk Che Gayah Ismail said the air quality would improve further when the northeast monsoon season began, bringing in northeasterly and easterly winds from the South China Sea and the Pacific Ocean.

"There's already an indication of the start of the monsoon season in the country. We should be free of the transboundary haze when the season begins.

"Therefore, from now until March next year, we will be free from transboundary haze when the monsoon sets in, regardless of whether the forest fires in Indonesia last until March.

"This is because the winds will prevent the polluted air from coming into Malaysia," she told the *New Straits Times* yesterday.

Che Gayah said although there might be tropical storms, the department did not expect another episode of transboundary haze due to the prevailing northeasterly and easterly winds.

However, she cautioned that despite looking forward to clearer skies, the public, especially those residing in the east coast states, and Sabah and Sarawak should brace themselves for the annual monsoon floods.

"There will be a few episodes of heavy rainfall in the affected areas during this northeast monsoon season. According to the department's forecast, there will be higher rainfall over Pahang and eastern Johor in December that might result in flooding."

The northeast monsoon is the major rainy season in the country.

Monsoon weather systems that develop in conjunction with cold air outbreaks from Siberia produce heavy rains that often cause severe floods along the east coast states of Peninsular Malaysia — Kelantan, Terengganu, Pahang and east Johor — and Sarawak.

However, Gayah said due to the El Nino weather phenomenon that would cause relatively drier conditions, the floods would not be as severe as last year.

Several states in the east coast, including Pahang, Terengganu, Kelantan, Perlis and Perak, were badly affected by one of the worst floods in December last year due to the northeast monsoon season.

The United States National Oceanic and Atmospheric Administration said this year's El Nino, which began in March, was predicted to continue until March next year.

As of 2pm yesterday, Port Klang recorded the highest API reading of 123, followed by Shah Alam (114),



A policeman in **Shah Alam** wearing a mask to protect himself from the haze yesterday. **Air quality will improve** further when the year-end northeast monsoon season begins. Pic by Shazreen Zamzuri

Banting (107), Pasir Gudang (107) and Petaling Jaya (103).

Pasir Gudang in Johor, which recorded the highest API of 154 on Saturday, recorded a turn for the better with a reading of 107 yesterday.

The haze has also improved in two other areas in Johor, with Kota Ting-

gi and Larkin entering the blue category with good readings of 82 and 93, respectively, as compared with 147 and 138 on Saturday.

Forty-five other areas recorded moderate readings, while Miri and Limbang in Sarawak had good readings of 47 and 45, respectively.

KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (BISNES): MUKA SURAT 18 TARIKH : 26 OKTOBER 2015 (ISNIN)

SME Corp. bantu tingkat eksport PKS

PONTIAN 25 Okt. - SME Corp. Malaysia akan membantu meningkatkan nilai eksport perusahaan kecil dan sederhana (PKS) daripada 33 menjadi 41 peratus menjelang

tahun 2020, khususnya dalam pasaran ASEAN dan Eropah.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ahmad Maslan berkata, kini terdapat sebanyak 645,000 PKS yang menyumbang 33 peratus bagi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan jumlah itu mampu dilonjakkan menjadi 41 peratus pada tahun 2020.

Beliau berkata, pasaran eksport kini terbuka luas bukan sahaja kepada 650 juta penduduk di rantau ASEAN, malah 800 juta warga Eropah di kawasan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

"PKS juga merupakan tunjang kepada kekuatan ekonomi negara dan terbukti dengan RM235 juta yang disalurkan pada Bajet 2016 kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi melaksanakan program-program pembangunan, penyelidikan dan sebagainya.

"Banyak faktor perlu diberikan perhatian oleh PKS jika ingin menembusi pasaran lebih luas seperti kaedah pembungkusan, pemasaran, pen-

jenamaan, sijil halal, kesihatan mahupun pengiktirafan yang lain," katanya selepas merasmikan Seminar Pensijilan Halal dan Bengkel Kepentingan Pembungkusan dan Penjenamaan anjuran SME Corp.

Malaysia di Dewan Serbaguna Majlis Daerah Pontian Cawangan Benut, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pemangku Pengarah Pejabat Perdagangan Antarabangsa dan Industri negeri, Nordin Ahmad; Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Perniagaan SME Corp. Malaysia, Meor Kamal Azhar Meor Hamzah dan Pengerusi Biro Ekonomi UMNO Bahagian Pontian, Faridah Abd. Kadir.

Kira-kira 300 peserta menghadiri seminar tersebut dengan pembentangan beberapa kertas kerja daripada SIRIM Berhad, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan Halal Development Corporation (HDC).

Ahmad yang juga Ahli Parlimen Pontian berkata, beberapa agensi di bawah MITI seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dan SME Bank bersedia untuk membantu pengusaha IKS.

Beliau berharap, PKS termasuk di luar bandar dapat memanfaatkan Bajet 2016 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kelmarin bagi mereka meneroka bidang baharu untuk meningkatkan KDNK kepada 41 peratus pada tahun 2020.



AHMAD MASLAN (kiri) diberi penerangan berkaitan penjenamaan sempena program Seminar Pensijilan Halal dan Bengkel Kepentingan Pembungkusan dan Penjenamaan di Benut, Pontian, semalam.
- UTUSAN/MUHAMMAD ZIKRI